

Muhyiddin nafi ada kaitan MYAirline

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam, menafikan beliau mempunyai kaitan dengan syarikat penerbangan tambang murah, MYAirline Sdn Bhd (MYAirline) yang menghentikan operasi secara mengejut.

Presiden BERSATU itu menegaskan, beliau tidak mempunyai kaitan dengan pemegang saham, malah tiada pengetahuan mengenai latar belakang syarikat penerbangan berkenaan.

Katanya, kelulusan operasi MYAirline itu juga bermula selepas beliau tidak lagi berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

"Saya dapati ada pihak yang cuba mengaitkan saya dengan kemelut yang melibatkan syarikat penerbangan MYAirline.

"Saya ingin menegaskan saya tiada kaitan langsung dengan syarikat penerbangan ini atau pemegang saham syarikat.

"Saya juga tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai latar belakang syarikat ini.

"Carian saya menunjukkan syarikat ini mendapat kelulusan bersyarat lesen perkhidmatan udara pada 22 Disember 2021, iaitu semasa saya tidak lagi menjadi Perdana Menteri," katanya menerusi kenyataan.

MYAirline baru-baru ini mengumumkan penggantungan

operasi berkuat kuasa Khamis lalu, sehingga diberitahu kelak.

MYAirline diasaskan secara rasmi pada 11 Januari 2021 dengan sokongan kewangan Zillion Wealth Bhd (88 peratus), Trillion Cove Holdings Bhd (10 peratus) dan Pengasas Bersama dan Bekas Ketua Pegawai Eksekutif, Rayner Teo (dua peratus).

Lembaga Pengarah MYAirline terdiri daripada Pengasas Bersama yang juga pemegang saham terbesar, Datuk Allan Goh Hwan Hua, Sean Goh Tze Han; bekas Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam Malaysia, Datuk Seri Azharuddin Abdul Rahman; bekas Ketua Pegawai Operasi Malaysia Airports Holdings Bhd, Datuk Abd Hamid Mohd Ali, Teo dan Pengarah Trillion Cove, Jothi Prakash Murugan.

Pesawat pertamanya mula diterima pada Julai 2022, Airbus A320 (9M-DAC) yang dipajak daripada Aircastle Limited dan menerima Sijil Pengendali Udara pada 27 September 2022 serta Lesen Perkhidmatan Udara pada 15 November 2022 daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia.

Muhyiddin berkata, pembabitannya firma guaman Rosli Dahlan Saravana Partnership sebagai peguam bagi pihak pemegang saham syarikat MYAirline tidak boleh dikaitkan dengan dirinya.